

# IPCCM: Kerajaan ambil kira pandangan semua pihak

**PUTRAJAYA 2 Mei** - Kerajaan akan mengambil kira pandangan pelbagai pihak sebelum membuat keputusan berhubung cadangan memberi kuasa kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCCM).

Tun Dr. Mahathir Mohamad berkata, terdapat pihak yang bersetuju dan tidak bersetuju terhadap cadangan tersebut.

Perdana Menteri berkata, beliau juga bersedia bertemu Polis Diraja Malaysia (PDRM) bagi mendengar pandangan mereka berhubung perkara tersebut.

"Kerajaan akan dengar pandangan semua pihak sebelum membuat keputusan," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan platform e-dagang digital BOCE Malaysia/ASEAN di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC) di sini hari ini.

Ketua Polis Negara, Tan Sri Mohamad Fuzi Harun dilaporkan berkata, PDRM akan mengatur pertemuan dengan Perdana Menteri bagi menyampaikan bantahan terhadap hasrat untuk memberi kuasa kepada IPCCM bagi menangani masalah dalam agensi penguatkuasaan undang-undang dan bukan sekadar memberi syor tata tertib.

Mohamad Fuzi berkata, isu tersebut menarik perhatian lebih 145,000 warga PDRM sama ada yang masih atau sudah tamat berkhidmat.

Pada 13 November lalu, Ahli Parlimen Petaling Jaya, Ma-



**MAHATHIR MOHAMAD**

ria Chin Abdullah meminta kerajaan menyatakan garis masa bagi penubuhan IPCCM dan langkah bagi memastikan ia benar bebas serta mempunyai kuasa menangani masalah dalam agensi penguatkuasaan undang-undang, selain bukan sekadar

memberi syor tata tertib seperti Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (EAIC) sebelum ini.

Sebelum ini, Menteri Dalam Negeri, Tan Sri Muhyiddin Yassin berpendapat proses maklum balas daripada pelbagai pihak berkaitan diperlukan sebelum IPCCM dimuktamadkan.